

PEPERIKSAAN PERCUBAAN STPM NEGERI SEMBILAN 2015
PENGAJIAN PERNIAGAAN
PENGGAL 3

SKEMA JAWAPAN
BAHAGIAN A

1 (a) Berikan **dua** perbezaan antara usahawan dengan peniaga.

[4]

Jawapan:

Dua perbezaan antara usahawan dengan peniaga ialah:

Usahawan	Peniaga
Usahawan mementingkan keuntungan dan sumbangan kepada masyarakat. (1m)	Peniaga mementingkan keuntungan sahaja dan mengabaikan sumbangan kepada masyarakat (1m)
Usahawan sentiasa mencipta sesuatu yang baharu dan melakukan perubahan (1m)	Peniaga hanya melakukan aktiviti menjual dan membeli tanpa melakukan perubahan (1m)
Usahawan mencipta, memproses dan menambah nilai pada barang sebelum dijual (1m)	Peniaga membeli pada harga yang murah dan menjual pada harga yang tinggi (1m)
Usahawan berani menanggung risiko (1m)	Peniaga tidak berani menanggung risiko dan berpuas hati dengan saiz perniagaan sedia ada (1m)

Pilih mana-mana 2, 2m x 2 = 4m, Pastikan jawapan pada dimensi yang sama.

(b) Jelaskan **tiga** sumbangan usahawan dari sudut makro.

[6]

Jawapan:

Tiga sumbangan usahawan dari sudut makro ialah:

- 1) mewujudkan peluang pekerjaan (1m)
 - usahawan mengambil penduduk tempatan untuk bekerja di premis perniagaan. (1m)
- 2) menggunakan sumber tempatan (1m)
 - usahawan membeli bahan mentah dari persekitaran dari mana perniagaannya beroperasi dan membantu meningkatkan pendapatan. (1m)
- 3) penggerak ekonomi yang sihat (1m)
 - menyumbang kepada pendapatan negara dengan mempelbagaikan produk baharu atau melakukan pembaharuan pada produk sedia ada untuk masyarakat (1m)
- 4) menjadi sumber inspirasi dan model peranan kepada masyarakat. (1m)
 - usahawan memberi pendidikan keusahawanan dan galakan serta motivasi kepada usahawan baharu (1m)
- 5) meningkatkan taraf hidup masyarakat (1m)
 - usahawan menyediakan pelbagai produk kepada masyarakat seperti kemudahan kesihatan serta

memberi derma dan biasiswa bagi membantu golongan yang memerlukan.(1m)
Pilih mana-mana tiga, 1m Fakta, 1m huraian.

(c) Nyatakan **empat** kelebihan apabila seorang usahawan membuat keputusan untuk memulakan perniagaan baharu. [4]

Jawapan:

Empat kelebihan apabila seorang usahawan membuat keputusan untuk memulakan perniagaan baharu ialah:

- bebas memilih lokasi perniagaan yang sesuai
- bebas memilih jenis dan barisan produk yang ingin dipasarkan
- bebas membangunkan imej sendiri
- bebas dalam memilih pembekal yang sesuai
- bebas memilih bentuk pemilikan perniagaan

Pilih mana-mana 4 x 1m = 4m

(d) Terangkan **tiga** elemen dalam rancangan organisasi bagi pengilang kereta. [6]

Jawapan:

Tiga elemen dalam rancangan organisasi bagi pengilang kereta ialah:

Matlamat dan strategi organisasi (1m)

- menyatakan visi, misi, matlamat dan strategi yang dibentuk untuk mencapai matlamat tersebut.

Bentuk struktur organisasi atau carta organisasi (1m)

- menggambarkan bentuk struktur organisasi mengikut fungsian, divisyen, atau matriks
- menyediakan carta organisasi yang menunjukkan pembahagian kerja, jenis tugas, peringkat pengurusan, aliran komunikasi dan rantaian arahan dan pengelompokkan kerja

Senarai kakitangan pengurusan (1m)

-menyatakan senarai jawatan, bilangan pekerja, gaji dan imbuhan yg diberikan kepada pekerja, sumber memperoleh pekerja sama ada sumber dalaman atau luaran, status pekerja sama ada tetap atau sambilan

Senarai butiran jawatan (1m)

- menyatakan nama jawatan, kelayakan akademik dan pengalaman, senarai tugas serta tanggungjawab utama bagi setiap jawatan berkenaan.

Imbuhan dan insentif (1m)

-segala imbuhan dan insentif dinyatakan termasuk gaji, elaun, bonus, cuti tahunan, KWSP, cuti sakit, kemudahan perubatan dan sebagainya.

susun atur pejabat organisasi membuat kereta dan perancangan keperluan kelengkapan pejabat (1m)

- melakarkan pelan susun atur pejabat, menyenaraikan kos dan alat-alat kelengkapan pejabat yang diperlukannya spt peralatan, perabot pejabat, kelengkapan dan alat tulis

Belanjawan pentadbiran (1m)

- menyediakan belanjawan pentadbiran yang meliputi kos2 spt gaji dan upah, bekalan pejabat, peralatan, kelengkapan, bil telefon, bil air, bil elektrik dan sebagainya.

Pilih mana-mana 3, F+H = 2m

(e) Jelaskan kegunaan rancangan perniagaan kepada tiga pihak berkepentingan yang berikut:

- (i) Pembekal
- (ii) Pelanggan
- (iii) Pembiaya

[6]

Jawapan:

Tiga kegunaan RP kepada pihak berkepentingan yang berikut ialah:

i) Pembekal

- RP yang baik dan berpotensi akan menyakinkan pembekal utk membekalkan bahan mentah atau produk secara jualan kredit atau hutang

ii) Pelanggan

- melalui RP pelanggan dapat mengetahui sama ada produk yang dikeluarkan memenuhi kehendaknya atau tidak
- pelanggan juga merasa lebih selamat dan selesa kerana yakin produk yang digunakan selamat dan bersih

iii) Pembiaya

-RP yang baik dapat menggambarkan maklumat kewangan perniagaan, ini akan menyakinkan bank utk memberi pinjaman

- RP digunakan oleh bank untuk menilai sama ada usahawan mampu membayar balik pinjaman atau sebaliknya.

2 huraian, 2m x 3 = 6m

(f) Huraikan konsep operasi serah kunci dan lokalisasi dalam perniagaan antarabangsa.

[4]

Jawapan:

- i) Konsep operasi serah kunci dan lokalisasi. [4m]

Operasi Serah Kunci

- Sebuah syarikat asing menjalankan *aktiviti merekabentuk, membina dan menyiapkan* pembinaan kemudahan infrastruktur atau membina kilang dinegara ini. (T)
- Apabila projek telah siap asing tersebut akan menyerahkan kepada syarikat tempatan untuk mengendalikan operasinya. (H)

Lokalisasi

Lokalisasi

- Tindakan sesebuah syarikat mengubah anak syarikatnya daripada sebuah subsidiari syarikat asing kepada sebuah organisasi perniagaan tempatan supaya bersesuaian dengan ciri-ciri tempatan di mana ia beroperasi. (T)
- Lokalisasi terbahagi kepada empat iaitu lokalisasi produk, lokalisasi keuntungan, lokalisasi pengeluaran dan lokalisasi pengurusan/ operasi. (H)

Takrif 1m + Huraian 1m = 2m

(g) Huraikan maksud syarikat multinasional dan **empat** tujuan organisasi menjadi syarikat multinasional. [6]

Jawapan:

Maksud Syarikat Multinasional dan 4 tujuan organisasi menjadi syarikat multinasional. Syarikat Multinasional ialah sebuah syarikat besar yang beroperasi dengan cawangannya terdapat di beberapa buah negara di dunia yang mana cawangan-cawangannya ini dikawal oleh sebuah syarikat induk di negara asalnya. [2m]

Tujuan / sebab :

1. Meningkatkan saiz pasaran dan keuntungan. Keadaan pasaran dalam negara sudah menjadi tepu, memaksa syarikat mencari pasaran ke luar negara untuk mendapatkan pulangan.
 2. Pindahan teknologi dapat dilakukan dan ini dapat menurunkan kos serta meningkatkan produktiviti
 3. Mendapatkan sumber yang lebih murah. Syarikat multinasional boleh mendapatkan bahan mentah yang murah dan berkualiti serta mendapat tenaga buruh yang lebih murah dan mahir
 4. Mengelakkan tarif dan kuota. Syarikat dapat mengelakkan daripada dikenakan cukai import oleh negara asing di tempat syarikat berkenaan beroperasi. Ini dapat membantu syarikat mengurangkan kos penghantaran.
- (4m)

(h) Huraikan kaedah melindungi pasaran domestik untuk tujuan melindungi pasaran dalam

negara.

[6]

Jawapan:

Kaedah tarif (1m)

- merupakan cukai langsung yg dikenakan ke atas produk atau perkhidmatan yang diimport masuk ke sesebuah negara bg mengawal atau mengurangkan barang yg diimport.
- kesan – harga import meningkat, permintaan berkurangan

Kaedah bukan tarif:

subsidi eksport (1m)

- bayaran dlm satu jumlah tertentu yg dibuat oleh kerajaan kpd pengeksport bg mengurangkan kos pengeluaran mereka
- meningkatkan keupayaan berdaya saing oleh pengeluar tempatan diluar negara kerana harga barang dpt dijual lebih murah

kuota (1m)

- menghad kuantiti maksimum barang atau perkhidmatan yg boleh diimport dari luar negara utk suatu tempoh tertentu.
- Tujuan – mengelak penawaran keluaran import secara berlebihan dalam negara, melindungi industri yg sama di pasaran tempatan drp dimonopoli oleh produk atau perkhidmatan drp syarikat luar negara.

Embargo/sekatan perdagangan (1m)

- tindakan memberhentikan atau tidak membenarkan sebarang usaha perdagangan atau perniagaan dijalankan dgn negara asing.
- diambil oleh negara akibat drp ketidakpuasan dasar, peraturan, prosedur, sama ada disebabkan perbezaan politik atau ekonomi thdp sesebuah negara lain

kempen belilah barangan tempatan (1m)

- usaha kerajaan utk meningkatkan permintaan terhdp brgan tempatan dgn menggalakkan pengguna tempatan membeli keluaran tempatan
- meningkatkan daya saing industri tempat dan produktiviti dgn mengurangkan penggunaan bahan mentah yg diimport.

Mana-mana 3, 1F + 1H= 2m

(i) Senaraikan **empat** perkara yang di bawah bidang kuasa Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia untuk menyelesaikan masalah kepenggunaan. [4]

Jawapan:

- tuntutan yang berkaitan dgn bidang kuasanya seperti yg diperuntukan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999. (1m)
- Jumlah maksimum tuntutan tidak melebihi RM 25 000

- Tuntutan berkaitan barang @ perkhidmatan yg baginya tiada ganti rugi
- Tuntutan yg berasaskan pada kuasa tindakan dalam masa tiga tahun dari tuntutan itu dibuat.

$1H\ 1m\ [4\ x\ 1m = 4m]$

- (j) Berikan **empat** sebab kenapa etika perniagaan adalah penting bagi sesebuah organisasi perniagaan. [4]

Jawapan:

Sebab : - imej perniagaan yang baik (1m), menarik lebih ramai pembeli, mengelakkan tindakan undang-undang terhadap perniagaan, memperolehi keuntungan dalam jangka panjang/ penakatan.

$(1m\ x\ 4 = 4m)$

2 Kajian Kes:

- i. Jelaskan maksud keusahawanan. [3m]

Jawapan:

[Proses menggabungkan sumber-sumber ekonomi untuk memperkenalkan sesuatu yang baharu], [keupayaan utk mengesan peluang-peluang perniagaan,] [menjana idea-idea perniagaan dan membuat pembaharuan demi menjayakan sesuatu perniagaan,.]

@ ciri-ciri yang dimiliki oleh seseorang usahawan dalam menjana idea-idea baharu utk perniagaan (1m)

- Ciri-ciri ini menyumbang bagi meningkatkan daya pengeluaran(1m)
 - ciri-ciri ini seperti berkebolehan , berkemampuan dan cenderung utk mencari, mengesan dan merebut peluang perniagaan, melakukan pembaharuan .(1m)
-

- ii. Dengan menggunakan Teori Sosiologi, huraikan faktor-faktor yang mendorong Bill Gates menceburi bidang keusahawanan. [10m]

Jawapan:

Mengikut Teori Sosiologi persekitaran dan situasi seseorang mempengaruhi seseorang utk keusahawanan eg . agama, pendidikan, keluarga dll (T) [2m]

- * Pengalihan negatif – Bill tercicir dari universiti[2m]
- * tempoh peralihan – sekolah swasta yg berprestij iaitu Lakeside
- * tarikan positif - bakal rakan kongsi Paul Allen.

* tolakan positif – keluarganya yg terkenal eg. Ayah ialah peguam terkenal
Dll yang sesuai.

iii. Jelaskan **empat** sifat usahawan yang berjaya berdasarkan kes di atas.
[12m]

Jawapan:

- * berinisiatif (F) - pro aktif (H) – mendapat lesen utk MS-DOS daripada IBM (KK)[3m]
- * rajin (F) –berusaha dengan gigih (H) - beliau percaya seseorang itu perlu bekerja keras. (KK)
- *kreatif – menghasilkan sesuatu baharu – Windows
- *sentiasa rebut peluang perniagaan- perubahan dalam persekitaran menghendaki Usahawan mencari / teroka peluang – lesen MS DOS
- * dll yang sesuai.

$$F\ 1m + H\ 1m + KK\ 1m = 3m \times 4 = 12m$$

iv. Nyatakan bagaimana Syarikat Microsoft boleh menjalankan perniagaan dengan beretika kepada pemilik taruh utamanya. [5m]

Jawapan:

Pekerja Microsoft – bayar upah berpatutan (1m)
pemilik saham Microsoft- perolehi untung dan agihkan dividen
pembiaya Microsoft-membayar hutang dan faedah mengikut jadual
pembekal Microsoft- syarat kontrak yg jelas/potensi utk mengembangkan perniagaan bagi pembekal
pelanggan Microsoft–menjual produk/perkhidmatan yg berkualiti eg Windows
dll yg sesuai.
(1m x 5 = 5m)

3 (a) (i) Terangkan **lima** kepentingan seseorang usahawan menyediakan rancangan perniagaan.
[10]

Jawapan:

(i) Kepentingan RP.

1. Memberi garis panduan dalam usaha memulakan perniagaan

- RP menjelaskan tentang visi, matlamat , onjektif, belanjawan dan ramalan kewangan sesuatu aktiviti perniagaan. Ini dapat menentukan hala tuju perniagaan tersebut untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan.
- sebagai panduan kpd usahawan, pengurus dan pekerja untuk memahami skop tugas masing-

masing dalam sesuatu aktiviti perniagaan.

2. Sebagai alat komunikasi

- RP dapat meyakinkan pihak2 berkepentingan spt, pembekal pelabur dan pihak bank terhadap aktiviti perniagaan yang dijalankan dan turut terlibat menjayakan perniagaan.
- RP juga boleh dijadikan panduan kepada operasi perniagaan kearah kejayaan

3. Sebagai alat kawalan

- RP di gunakan untuk mengukur prestasi perniagaan serta membandingkan pencapaian sebenar dengan yang dirancang.
- Sebarang penyelewengan dapat dikenalpasti dengan cepat dan tindakan pembetulan dapat diambil dengan segera.

4. Mengurangkan kesilapan

- RP dapat menggariskan misi bagi memudahkan pengurus dan pekerja bertindak selaras dengan matlamat yang di tetapkan. Usaha ini dapat mengurangkan risiko akibat kesilapan dan penyelewengan yang berlaku dalam proses mencapai matlamat perniagaan tersebut.

5. Penggunaan sumber dengan cekap

- pengagihan sumber dengan cekap membolehkan usahawan dapat pulangan yang maksimum dan pembaziran dapat dikurangkan. Penggunaan sumber dengan cekap juga dapat meminimumkan kos, meningkatkan produktiviti dan membantu firma mencapai matlamat.

6. Menyediakan strategi perniagaan.

- *analisis terhadap pemasaran, pengeluaran, operasi, pengunjuran kewangan dan sumber manusia akan dibuat oleh usahawan. Usahawan akan menyediakan strategi perniagaan berdasarkan analisis yang dibuat dalam rancangan perniagaan.*

[mana –mana lima sahaja, fakta = 1m, huraian = 1m.. 5 x2m = 10m]

(ii) Sediakan Rumusan Eksekutif bagi sebuah Rancangan Perniagaan Rose Seramik Sdn. Bhd. dalam pengeluaran cenderahati dan hiasan seramik mewah. [10]

Jawapan:

Rumusan eksekutif Perniagaan Rose Seramik Sdn Bhd perlu mengandungi elemen berikut:

1. Penerangan mengenai perniagaan – bentuk/perniagaan (cenderahati dan hiasan seramik

- mewah), ringkasan syarikat, sejarah syarikat.
2. Penerangan pasaran sasaran – pelanggan, jenis produk/keunikan produk, tujuan pengeluaran produk
 3. Persaingan – menerangkan siapa pesaingannya
 4. Deskripsi ahli-ahli syarikat – menyatakan individu yang terlibat menguruskan perniagaan tersebut
 5. Pelunjuran kewangan – maklumat ringkas ttg kos, jangkaan hasil (harian atau tahunan) dan keuntungan (untung bersih harian/tahunan)
 6. Sumber pembiayaan – menyatakan sumber dana dan amaunnya berdasarkan maklumat modal yang diperlukan (spt hutang, simpanan peribadi dan sebagainya)
 7. Prospek masa hadapan – menyatakan kemampuan perniagaan untuk terus berkembang pada masa hadapan

Mana-mana 5 elemen, 1 huraian = 1m, jawapan mesti dikaitkan dengan kes, jika tidak '0m'.

3 (b) (i) Terangkan jenis-jenis jenayah kolar putih yang lazim berlaku di negara Malaysia.

[10]

Jawapan:

Rasuah (1m)

- menerima atau memberi suapan sebagai upah atau dorongan utk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yg berkaitan dgn tugas rasmi.

Penyelewengan (1m)

- tindakan seseorang atau sesuatu pihak menyalahgunakan harta dengan curang atau menggunakan harta orang atau pihak lain yang telah diamanahkan hak penjagaan kepadanya demi kepentingan diri sendiri

Pecah amanah (1m)

- berlaku apabila seseorang yg diberi tanggungjawab atau amanah telah mengutamakan kepentingan peribadi dan kepentingan lain melebihi kepentingan amanah yg telah diberikan.

Konflik kepentingan (1m)

- tindakan seseorang yg mempunyai kuasa dan autoriti tertentu, memegang apa2 jawatan atau memiliki apa2 harta, atau mempunyai kepentingan tertentu yg mungkin bercanggah dgn jawatan dan tugas rasminya dalam sesebuah organisasi.

Penyalahgunaan kuasa (1m)

- berlaku apabila seseorg yg memegang jawatan penting dan mempunyai kuasa yg dominan dlm sesebuah organisasi utk menjalankan tggjawab berdasarkan bidang tugas yg diamanahkan, telah menjalankan dan membuat keputusan bukan berdasarkan peraturan, prosedur dan undang2 yg ditetapkan

$$1F + 1H \times 5 = 5m$$

- (ii) Nyatakan **lima** hak pengguna dan terangkan peranan Persatuan Pengguna untuk menjaga hak tersebut. [10]

Jawapan:

Hak-hak pengguna:

- hak utk mendapat keperluan asas
- hak utk mendapat keselamatan
- hak utk membuat pilihan
- hak utk mendapat maklumat
- hak utk mendapat ganti rugi
- hak utk bersuara dan mendapatkan perwakilan
- hak utk mendapat pendidikan kepenggunaan
- hak utk mendapat alam sekitar yg sihat dan selamat

Pilih mana-mana 5, 5 x 1m = 5m

Peranan Persatuan Pengguna untuk menjaga hak tersebut ialah:

- menerima laporan atau aduan drp pengguna berkaitan dgn masalah kepenggunaan
- menyasat aduan pengguna dan mengambil tindakan sewajarnya
- menyebarkan maklumat kepenggunaan kepada pengguna dan mengadakan kempen, seminar
- mengambil tindakan undang2 thdp pihak tertentu bg pihak pengguna
- menyediakan khidmat guaman kepada pelanggan yg telah menghadapi masalah berkaitan kepenggunaan
- bekerjasama dgn pihak kerajaan utk mengadakan pemantauan atau serbuan ke premis2 tertentu

Pilih mana2 lima, 5 x 1m = 5m